



## **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

### **KESALAHAN MENDEDAHKAN / MEMBOCORKAN DOKUMEN / MAKLUMAT TERPERINGKAT KERAJAAN**

---

1. Sejak akhir-akhir ini, terdapat insiden yang melibatkan pegawai awam membocorkan dokumen dan maklumat terperingkat Kerajaan kepada pihak luar/pihak tidak perlu mengetahui melalui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan media sosial seperti Whatsapp, Facebook, YouTube, blog, Twitter, Telegram dan sebagainya.
2. Penyaluran apa-apa maklumat terperingkat yang boleh mengundang pelbagai tanggapan dan reaksi negatif orang ramai tentang perjalanan suatu urus tadbir Kerajaan merupakan suatu perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal ini, pegawai awam hendaklah sentiasa diperingatkan bahawa penjagaan rahsia Kerajaan dan maklumat-maklumat terperingkat merupakan suatu bentuk arahan yang telah sedia termaktub dalam Arahan Keselamatan. Oleh itu, perbuatan mendedahkan atau mengedarkan apa-apa maklumat terperingkat tersebut hendaklah disifatkan sebagai ingkar arahan.
3. Kerajaan memandang serius terhadap perkara ini dan tidak akan bertolak ansur dalam mengambil tindakan tegas terhadap pegawai awam yang didapati membocorkan dokumen/maklumat terperingkat. Perbuatan

ini merupakan suatu bentuk pengkhianatan kepada negara dan merupakan suatu kesalahan jenayah berat di bawah seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi 1972. Ini adalah kerana perbuatan membocorkan rahsia Kerajaan itu bukan sahaja boleh menjejaskan imej perkhidmatan awam dan Kerajaan, malah boleh menggugat keselamatan negara, menjejaskan ketenteraman awam serta keharmonian dalam organisasi perkhidmatan awam, lebih-lebih lagi jika maklumat rahsia itu terdedah kepada penyalahgunaan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk memudaratkan perjalanan jentera Kerajaan.

4. Sehubungan itu, tuan/puan hendaklah sentiasa mengingatkan diri masing-masing dan warga kerja di Bahagian supaya semua dokumen/maklumat terperingkat Kerajaan tidak dibocorkan, didedahkan, disebar, disiarkan dan disampaikan kepada pihak-pihak yang tidak perlu mengetahui dengan apa-apa cara sekalipun. Sebagai contoh menggunakan telefon bimbit untuk mengambil gambar surat rasmi jabatan yang merupakan dokumen terperingkat dan kemudiannya diedarkan melalui aplikasi whatsapp kepada pihak luar.

5. Oleh itu, warga kementerian / jabatan juga diingatkan supaya menggunakan aplikasi ICT dan media sosial secara rasmi dan peribadi dengan berhemah bagi mengelakkan kebocoran maklumat/dokumen terperingkat dan penyebaran maklumat yang tidak sah.

6. Sekiranya perkara ini berlaku, tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993] akan diambil setelah dibuktikan kesalahannya. Pegawai yang didapati membocorkan maklumat/dokumen terperingkat Kerajaan adalah disifatkan telah melanggar peraturan 4, P.U(A)395/1993.

Pelanggaran ini boleh menyebabkan pegawai awam dikenakan tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja. Pegawai juga boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan.

###

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**31 MEI 2016**